

# Mengapa Fathimah az-Zahra (AS) dimakamkan di waktu ?malam

---

<"xml encoding="UTF-8?>

## Syubhah:

Mereka mengatakan Fathimah dimakamkan di waktu malam kerana wasiat Fathimah kepada Asma binti Umais isteri Abu Bakar, agar siapa saja yang bukan Muhrim tidak dapat melihat ukuran jasad beliau.

## Kritikan dan Penelitian:

Dimakamkan di waktu malam, shalat jenazah tanpa kehadiran khalifah, makamnya disembunyikan dan peristiwa ini masih menyimpan banyak misteri. Memang benar Fathimah meninggalkan wasiat seperti ini namun apakah yang terjadi sehingga Fathimah hendak meninggalkan wasiat bersejarah ini di akhir hayatnya? Tidakkah anda setuju beliau menzahirkan (menampakkan) kemarahannya terhadap musuh? Hakikatnya pertanyaan dan pandangan tajam generasi sejarawan dan masyarakat masih tertanya-tanya mengapa makam Fathimah disembunyikan? Dan mengapa Ali (as) tidak memberitahukan shalat jenazah beliau? Apakah tidak ada lagi pengganti nabi (seperti yang telah didakwa) yang layak menshalati jenazah beliau?

Iya, Fathimah telah mewasiatkan pengkebumian jenazah beliau di waktu malam tanpa memberitahukan kepada mereka yang telah menzalimi beliau. Maka inilah sanad yang terbaik bagi Syiah yang mengaitkan kematian Sayidah Fathimah dianiaya dan Fathimah tidak pernah meridhai mereka. Banyak riwayat dari kitab-kitab Syiah dan Sunni berkaitan tentang peristiwa ini. Di sini kami sebutkan beberapa riwayat:

## Pengkebumian jenazah di waktu malam dalam riwayat Ahlusunnah:

:Muhammad bin Ismail Bukhari menulis

وَعَاشَتْ بَعْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سِتَّةَ أَشْهُرٍ فَلَمَّا تُوفِّيَتْ دَفَنَهَا زَوْجُهَا عَلِيٌّ لَيْلًا وَلَمْ يُؤْذِنْ بِهَا أَبَا بَكْرٍ وَصَلَّى عَلَيْهَا.

البخاري الجعفي، محمد بن إسماعيل أبو عبدالله (متوفاي 256هـ)، صحيح البخاري، ج 4، ص 1549، ح 3998، كتاب المغازي، باب غزوة خيبر، تحقيق د. مصطفى ديب البغا، ناشر: دار ابن كثير، اليمامة - بيروت، الطبعة: الثالثة، 1407 - 1987.

Dan beliau (Fathimah) hidup setelah wafatnya Rasulullah selama enam bulan, maka setelah (Fathimah) wafat, beliau dikebumikan di waktu malam oleh suaminya Ali bin Abi Talib dan tidak sekali-kali diizinkan Abu Bakar menyolati jenazahnya. Muhammad bin Ismail Abu Abdillah, Sahih Bukhari jilid 4 halaman 1549 :Ibnu Qutaibah dalam takwil yang berbeda menulis

وقد طالبت فاطمة رضي الله عنها أبا بكر رضي الله عنه بميراث أبيها رسول الله صلى الله عليه وسلم فلما لم يعطها إياه حلفت لا تكلمه أبدا وأوصت أن تدفن ليلا لئلا يحضرها فدفنت ليلا.

الدينوري، أبو محمد عبد الله بن مسلم ابن قتيبة (متوفاي 276هـ)، تأويل مختلف الحديث، ج 1، ص 300، تحقيق: محمد زهري النجار، ناشر: دار الجيل، بيروت، 1393هـ، 1972م.

Dan sesungguhnya Fathimah menuntut harta pusaka ayahnya daripada Abu Bakar, maka Abu Bakar tidak memberi kepadanya. Fathimah bersumpah tidak lagi mahu berbicara dengan Abu Bakar selama-lamanya sehinggalah dia (Abu Bakar) tidak terhadir saat pengkebumiannya.

:Abdul Razak Sana'i menulis

عن بن جريج وعمر بن دينار أن حسن بن محمد أخبره أن فاطمة بنت النبي صلى الله عليه وسلم دفنت بالليل قال فرَّ بها علي من أبي بكر أن يصلي عليها كان بينهما شيء.

Daripada Jarir dan 'Umru bin Dinar, sesungguhnya Hasan bin Muhammad memberitahu bahawasanya Ali mengebumikan Fathimah binti Nabi (saw) di waktu malam sehingga Abu Bakar tidak menyolatnya kerana antara kedua mereka ada peristiwa yang telah terjadi. :Beliau menambah lagi

عبد الرزاق عن بن عيينة عن عمرو بن دينار عن حسن بن محمد مثله الا أنه قال اوصته بذلك

Hasan bin Muhammad menukilkan riwayat seperti ini juga; sesungguhnya dia (Fathimah) telah mewasiatkan demikian itu

الصنعاني، أبو بكر عبد الرزاق بن همام (متوفاي 211هـ)، المصنف، ج 3، ص 521، حديث شماره 6554 و حديث شماره: 6555، تحقيق حبيب الرحمن الأعظمي، ناشر: المكتب الإسلامي - بيروت،

الطبعة: الثانية، 1403هـ.

Al-San'ani, Abu Bakar Abdul Razak, al-Musannaf, jilid 3 halaman 521 hadis no. 6555

Dan Ibnu Bathal dalam Syarah Sahih Bukhari menulis

أجاز أكثر العلماء الدفن بالليل... ودفن عليُّ بن أبي طالب زوجته فاطمة ليلاً، فَرَّ بِهَا من أبي بكر أن يصلى عليها، كان بينهما شيء.

اکثر علما دفن جنازه را در شب اجازه داده‌اند. علي بن ابوطالب، همسرش فاطمه را شبانه دفن کرد تا ابوبکر به او نماز نخواند؛ چون بین آن دو اتفاقاتی افتاده بود.

Kebanyakan ulama membenarkan pengebumian jenazah di waktu malam... dan Ali bin Abi Talib mengebumikan isterinya di waktu malam sehingga Abu Bakar tidak menyolatinya kerana antara kedua mereka ada peristiwa yang telah berlaku.

إبن بطل البكري القرطبي، أبو الحسن علي بن خلف بن عبد الملك (متوفاي 449هـ)، شرح صحيح البخاري، ج 3، ص 325، تحقيق: أبو تميم ياسر بن إبراهيم، ناشر: مكتبة الرشد - السعودية / الرياض،

الطبعة: الثانية، 1423هـ - 2003م

Ibnu Bathal, Syarah Sahih Bukhari, jilid 3 halaman 325

:Ibnu Abil Hadid ketika mengutip dari Jahiz (wafat dalam tahun 255 Hijrah) menulis

وظهرت الشكية، واشتدت المودة، وقد بلغ ذلك من فاطمة (عليها السلام) أنها أوصت أن لا يصلي عليها أبوبكر.

Fathimah mengadu dan berdukacita sehingga beliau mewasiatkan supaya Abu Bakar tidak menyolatinnya.

شكايت و ناراحتی فاطمه (از دست غاصبین) به حدی رسید که وصیت کرد ابوبکر بر وی نماز نخواند.

إبن أبي الحديد المدائني المعتزلي، أبو حامد عز الدين بن هبة الله بن محمد بن محمد (متوفاي 655 هـ)، شرح نهج البلاغة، ج 16، ص 157، تحقيق محمد عبد الكريم النمري، ناشر: دار الكتب العلمية -

بيروت / لبنان، الطبعة: الأولى، 1418 هـ - 1998 م.

Ibnu Abil Hadid al-Muktazili, Syarh Nahjul Balaghah, jilid 16, halaman 157

:Dan di tempat lain beliau menulis

وأما إخفاء القبر، وكتمان الموت، وعدم الصلاة، وكل ما ذكره المرتضى فيه، فهو الذي يظهر ويقوي عندي، لأن الروايات به أكثر وأصح من غيرها، وكذلك القول في موجدتها وغضبها.

شرح نهج البلاغة، ج 16، ص 170.

Disembunyikan kematian dan tempat pengkebumian Fathimah, dan Abu Bakar serta Umar tidak dapat menyolatinnya , semua yang dikatakan oleh Murtadha dapat saya terima kerana riwayat-riwayat yang berkaitan dengannya sangat sahih. Demikian juga sahihnya kisah kemarahan Fathimah.

Syarh Nahjul Balaghah, jilid 16 halaman 170

### **Pengkebumian di waktu malam menurut riwayat Syiah:**

Semua penyebab adanya wasiat Fathimah dalam riwayat-riwayat Syiah adalah khusus dan sepakat. Namun dalam perkara ini dikeluarkan salah satu pengriwayatannya:

:Al-Marhum Syaikh Saduq menulis sebab-sebab pengkebumian Fathimah di waktu malam

عَنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي حَمْزَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَأَلْتُ أَبَا عَبْدِ اللَّهِ عَلَيْهِ السَّلَامُ لِأَيِّ عِلَّةٍ دُفِنَتْ فَاطِمَةُ (عليها

السلام) بِاللَّيْلِ وَ لَمْ تُدْفَنَ بِالنَّهَارِ قَالَ لِأَنَّهَا أَوْصَتْ أَنْ لَا يُصَلَّى عَلَيْهَا رَجُلًا

[الرَّجُلَانِ].

Ali bin Abu Hamzah bertanya kepada Imam Sodik (as) mengapakah Fathimah dikebumikan di waktu malam dan tidak di waktu siang? Katanya: kerana diwasiatkan supaya beberapa lelaki tidak menyolatinya.

الصدوق، أبو جعفر محمد بن علي بن الحسين (متوفاي 381هـ)، علل الشرايع، ج 1، ص 185، تحقيق: تقديم: السيد محمد صادق بحر العلوم، ناشر: منشورات المكتبة الحيدرية ومطبعتها - النجف الأشرف، 1385 - 1966 م .

As-Saduq, Abu Ja'far bin Ali bin Hussain, 'Ilal al-Syarayi', jilid 1 halaman 185

:Al-Marhum Sahib Madharik berkata

إِنَّ سَبَبَ خَفَاءِ قَبْرِهَا ( عَلَيْهَا السَّلَام ) مَا رَوَاهُ الْمُخَالِفُ وَالْمُؤَالِفُ مِنْ أَنَّهَا ( عَلَيْهَا السَّلَام ) أَوْصَتْ إِلَى أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ ( عَلَيْهِ السَّلَام ) أَنْ يَدْفِنَهَا لَيْلًا لِئَلَّا يُصَلِّيَ عَلَيْهَا مِنْ آذَاهَا وَمَنْعَهَا مِيرَاثَهَا مِنْ أَبِيهَا ( صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ).

Sebab disembunyikan pengkebumian Fathimah di malam hari dalam berbagai riwayat dan penulis bahawa beliau (Fathimah) mewasiatkan kepada Amirul Mukminin supaya dikebumikannya di waktu malam sehingga beliau tidak disolati oleh orang yang menyakitinya dan orang yang tidak memberikan harta pusaka ayahnya.

الموسوي العاملي، السيد محمد بن علي (متوفاي 1009هـ، مدارك الأحكام في شرح شرائع الاسلام، ج 8، ص 279، نشر و تحقيق مؤسسة آل البيت عليهم السلام لإحياء التراث، الطبعة: الأولى، 1410هـ.

Al-Musawi al-'Amili, Sayed Muhammad bin Ali, Mudarik al-Ahkam fi Syarh Syarai' al-Islam, jilid 8 halaman 279

## Kesimpulan:

Dengan memahami dalil-dalil dan pengakuan cendekiawan Ahlusunnah, maka kita dapati Fathimah tidak mahu beberapa orang yang menganiaya beliau hadir menshalati jenazahnya,

.dan beliau telah marah kepada khalifah buat selama-lamanya